

ISLAM DAN SAINS: SUATU PENYESUAIAN

*Oleh: Mohd Bakht Hj Ali **

PENDAHULUAN

Kebanyakan negara di dunia hari ini terlalu mengambil berat kepada perkembangan ilmu sains dan teknologi moden hingga sanggup mengeluarkan bajet yang besar semata-mata untuk kajian, penyelidikan, perkembangan dan pembangunan ilmu berkenaan. Sesebuah negara akan dihormati dan dipandang tinggi sekiranya ahli sains mereka mampu membuahkan hasil dalam penyelidikan serta berjaya membangunkan penyelidikan tersebut.

Perkembangan sains moden dan teknologi canggih sekarang ini telah didominasi oleh negara-negara Barat. Ketua-ketua negara Barat merasa megah dan bangga dengan pencapaian saintis-saintis mereka dan tanpa segan silu menuduh negara-negara Islam tidak akan maju dalam bidang sains dan teknologi sekiranya tidak mengikuti aliran pemikiran dan jejak langkah mereka yang ternyata telah memisahkan sains dari agama.

Bagi umat Islam, perkembangan ilmu sains mesti digiatkan kerana sejarah lampau membuktikan umat Islam mampu berada di kemuncak kegemilangan tamadun selama 700 tahun. Untuk melahirkan semula tokoh-tokoh saintis seperti Ibn Sina, al-Khwarizmi Ibn Haytham, Omar Khayyam dan lain-lain, maka perkembangan sains mestilah berjalan seiring dengan agama agar tamadun Islam sekali lagi menjadi cemerlang, gemilang dan terbilang.

Sikap dan pandangan umat Islam terhadap sains, sama ada secara teori atau praktikal memberi impak yang sangat penting kepada masyarakatnya. Lantaran itu, usaha penyesuaian di antara Islam dan sains perlu dilakukan dengan segera agar keduanya kembali serasi semula. Untuk membincangkan penyesuaian di antara Agama Islam dan sains, kedua-dua elemen tersebut perlu dijelaskan terlebih dahulu.

* Pensyarah di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

PENGERTIAN AGAMA

Agama adalah himpunan daripada kepercayaan, perasaan dan kelakuan yang membezakan di antara satu umat dengan yang lain. (lihat al-Qudah 2003)

Agama juga mencetuskan kewujudan kebudayaan kerana setiap umat mempunyai kebudayaannya yang tersendiri hasil daripada keyakinan, emosi serta tindakannya. Contohnya, seorang muslim percaya bahawasanya Allah yang menciptanya, menganugerahkan rezeki kepadanya dengan tak terhingga dan akan melalui proses audit amalan di alam akhirat nanti. Kepercayaan ini melahirkan perasaan kasih kepada Allah SWT, mengharapkan syurgaNya dan takut terhadap azab seksaNya. Kepercayaan dan perasaan ini menghasilkan kelakuan taat setia kepada Allah SWT, menjauhi maksiat dan dosa, serta sanggup melakukan kerja-kerja untuk memartabatkan agama, bangsa dan negara.

AGAMA ISLAM

Manakala agama Islam bermaksud suatu syariat yang diturunkan oleh Allah SWT kepada seluruh umat akhir zaman melalui perantaraan Nabi Muhammad SAW yang terkandung di dalam kitab suci al-Quran al-Karim dan Hadith Nabi SAW.

Agama Islam ialah satu-satunya agama yang sempurna, lengkap, universal dan diterima di sisi Allah SWT sebagaimana firman-Nya:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Bermaksud:

Pada hari Ini telah Ku-sempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Ku-cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah Ku redhai Islam itu jadi agama bagimu.
(al-Ma'idah: 3)

Sesiapa menolak Agama Islam bererti ia menolak keamanan, kesejahteraan dan kebahagiaan. Orang tersebut di dunia dihukum sebagai seorang yang bukan muslim dan di akhirat nanti ia tergolong di kalangan orang-orang yang sangat rugi, sebagaimana firman Allah SWT.

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِرِينَ

Bermaksud:

Barangsiapa mencari agama selain Agama Islam, maka sekali-kali tidaklah akan diterima (agama itu) daripadanya, dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi. (Ali 'Imran: 85)

PENGERTIAN SAINS MODEN

Sains sebagaimana didefinisikan di dalam kamus *Oxford* ialah:

“ Suatu cabang ilmu yang mengkaji sekumpulan pernyataan yang terbukti atau dengan fakta-fakta yang ditinjau dan disusun secara bersistem dan dihimpunkan dalam bentuk hukum-hukum umum dan termasuklah kaedah-kaedah yang boleh dipercayai untuk menghasilkan kebenaran baru dalam lapangannya sendiri.”

Berdasarkan kepada pengertian di atas, sains adalah satu proses untuk sampai kepada kebenaran melalui kajian-kajian rasional dan pengumpulan data berpandukan kepada pancaindera manusia sahaja. Sains moden yang ada sekarang dapat dibahagikan kepada tiga kategori iaitu sains tulen atau *tabie*, sains gunaan dan sains sosial. (lihat Shahrir 1989:6)

SAINS DI DALAM ISLAM

Mengikut pendapat Ibn Khaldun, sains dikelaskan kepada dua bahagian. Pertamanya, sains *tabie* (intelektual atau falsafah) yang merangkumi ilmu perubatan, pertanian, kimia, geometri, aritmetik, astronomi, kejuruteraan dan sebagainya. Keduaanya, sains *naqli* (transmisi) yang berasaskan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah; merangkumi ilmu bahasa, tafsir, qiraat, ilmu hadith, usul fiqh, fiqh, akidah, usuluddin, nahu, sastera, tasawuf dan sebagainya. (lihat Ibn Khaldun. tt)

Oleh itu, sains dalam Islam membawa maksud lebih luas berbanding dengan sains moden dan begitu jelas perbezaan di antara keduanya.

Penyesuaian di antara Islam dan sains perlu dilakukan berasaskan faktor-faktor berikut:

i) SAINS SERTA TEKNOLOGI BARAT MENGANCAM DAN MEMUSNAHKAN KEHIDUPAN MANUSIA

Sejak terciptanya bom atom yang menyaksikan kehebatan ahli sains Barat yang berjaya menukarkan jirim kepada tenaga dan mampu menghasilkan tenaga nuklear yang tak terduga kesan kemusnahan nyawa dan harta benda, maka rata-rata masyarakat mula mempersoalkan peranan sains dan teknologi di dalam kitaran kehidupan mereka.

Dalam perkembangan mutakhir ini, berlaku banyak kemusnahan harta benda dan kehilangan nyawa manusia apabila negara-negara Islam di ceroboh secara kekerasan oleh kuasa-kuasa besar yang maju dalam bidang sains dan teknologi ketenteraan. Penggunaan kaedah pengklonan secara tidak bermoral, pencemaran alam sekitar, penyalahgunaan dadah, pencerobohan sistem maklumat dengan komputer dan banyak lagi jenayah yang menggunakan kecanggihan teknologi, kesemua itu telah menghilangkan keyakinan manusia terhadap sains Barat dan teknologi moden dan membuatkan mereka rasa curiga. Sekiranya sains dan agama dapat diserasikan, diharap boleh memberi kesedaran kepada saintis-saintis agar ciptaan serta rekaan mereka untuk kepentingan, keamanan dan kesejahteraan umat manusia serta alam sekitar. Kerana setiap agama yang ada di dunia pada hari ini, tidak pernah menyuruh pengikutnya melakukan kemusnahan kepada manusia lain dan alam sekitar walaupun agama Kristian sendiri.

ii) SAINS DAN TEKNOLOGI SEPATUTNYA UNTUK KEAMANAN, KEBAIKAN, KESEJAHTERAAN DAN PEMBENTUKAN TAMADUN

Kalau dulu manusia tinggal di gua-gua, hidup berpindah randah dan ramai yang mati akibat serangan penyakit; tetapi sekarang sudah ada tamadun, manusia hidup dalam komuniti, bergerak ke sana ke mari dengan mudah dan ramai yang terselamat daripada serangan penyakit. Kesemua ini, hasil dari usaha manusia secara berterusan membuat kajian terhadap sains dan memajukannya dengan mengeluarkan teknologi serta rekaan moden.

Melalui sains, manusia boleh memahami serta berinteraksi dengan alam persekitaran mereka berdasarkan kaedah-kaedah saintifik. Manakala sumbangan sains dan teknologi kepada kehidupan manusia begitu besar dan bermakna lebih-lebih lagi dalam bidang perubatan, bioteknologi, kejuruteraan, kesenian dan lain-lain. Begitu juga dengan pembinaan tamadun-tamadun dahulu kala, seperti tamadun Islam, tamadun Mesir dan tamadun Mesopotamia telah dikenang sepanjang zaman kerana pencapaian dan sumbangan mereka dalam bidang sains dan teknologi.

Sekiranya diperhatikan kepada perkembangan sains yang berlaku di negara-negara maju sejak mutakhir ini, kebanyakan penyelidikan dan pembangunan ditumpukan kepada bidang ketenteraan. Kalau dulu kita tidak pernah dengar senjata pemusnah besar-besaran (Weapons Of Mass Destruction) namun sekarang ini, isu yang sama dijadikan alasan untuk menindas dan menjajah negara-negara Islam. Realiti ini membuktikan sains dan teknologi moden sudah tidak lagi memainkan peranan yang diharapkan oleh masyarakat, sebaliknya menjadi punca keresahan dan ketidakmakmuran untuk meneruskan kehidupan di alam ini. Hanya ada satu usaha untuk menyedarkan keadaan yang meruncing ini adalah dengan menyatukan antara sains dan agama supaya segala tindak tanduk saintis dan cendekiawan berprinsipkan agama kerana tidak ada satu agama pun di dunia ini yang mengajak umatnya melakukan kejahatan. Kita juga tidak mahu berlaku kepada sains yang pada satu ketika dulu begitu dikagumi dan dimartabatkan, tetapi sekarang dipersoalkan dan hampir-hampir dicemuh oleh manusia sendiri.

iii) SAINS MODEN BERTERASKAN KEPADA FALSAFAH MATERIALISME

Materialisme merupakan satu sistem kepercayaan yang dianuti oleh kebanyakan saintis-saintis Barat dewasa ini. Proses pertukaran kepada kepercayaan ini, telah melalui banyak peristiwa yang asasnya berpunca daripada kaedah yang telah diperkenalkan oleh ahli-ahli fikir Yunani (Greek), khususnya Aflatun dan Aristoteles pada kurun ke-4 S.M. Mereka telah memperkenalkan pendekatan akal dan pengalaman hidup untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan. Proses yang terhasil daripada kaedah ini dikenali sebagai rasionalisme.

Saintis-saintis yang berpegang dengan kepercayaan baru mereka cenderung melakukan pelbagai ujian dan kajian secara lebih teratur berdasarkan kepada

alam semula jadi. Mereka tidak lagi terikat dengan 'fatwa-fatwa' atau cengkaman para paderi atau agamawan. Dengan kemajuan sains, orang-orang Eropah mendapat kekuasaan baru yang tidak pernah mereka impikan. Dengan kuasa ini juga mereka dapat memahami hukum alam dengan lebih mendalam dan seterusnya mencipta teknologi-teknologi yang baru. (lihat Ir. Muhammad Nasir Mokhtar)

Setelah berlaku banyak pertembungan di antara ahli-ahli sains Eropah dengan pihak gereja maka berlakulah beberapa revolusi. Yang terpenting adalah Revolusi Perindustrian yang tercetus pada penghujung abad ke-18 M. Dan natijahnya sebagaimana yang terpapar pada hari ini, iaitu pihak gereja telah disisihkan dalam pentadbiran negara, sains dan teknologi dijadikan teras pembentukan tamadun dan berlaku pemisahan mutlak di antara sains dan agama yang akhirnya dikenali sebagai sains sekular.

Dengan itu, berkembang dengan pesatlah beberapa teori seperti Teori Evolusi yang dipopularkan oleh Darwin hinggalah ke hari ini masih menjadi kontroversi di antara Barat dan Islam. Isu ini tidak akan selesai kerana bagi umat Islam soalan-soalan mengenai siapa kita, dari mana kita datang, apa tujuan kita hidup dan ke mana kita akan kembali, semuanya sudah ada jawapan kerana datangnya daripada ilmu wahyu. Sebagaimana salah satu firman Allah SWT yang menerangkan tentang kejadian manusia.

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ

Bermaksud:

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya) (surah al-Tiin: 4)

Begitu juga dengan hala tuju kehidupan manusia di dunia ini sudah digariskan oleh Allah SWT iaitu semata-mata untuk beribadat kepada-Nya sahaja sebagaimana Firman-Nya:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Bermaksud:

Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan kepada-Ku. (al-Zariyat:56)

Material atau bahan di dalam Islam tidaklah suatu yang teruk atau perlu dijaui. Yang salahnya ialah fahaman atau falsafah materialisme itu. Apabila seseorang berpegang kepada falsafah ini, sudah tentu segala usaha dan matlamat hidupnya hanya untuk kepentingan dunia serta memenuhi tuntutan nafsu shahawat sahaja. Ini sudah keterlaluan dan menyimpang jauh dari ajaran Islam yang menganggap material adalah sebagai *wasilah* (jalan) untuk sampai kepada matlamat yang sebenar.

iv) ISLAM MENGUTAMAKAN PERKEMBANGAN ILMU SAINS DAN TEKNOLOGI

Dalam menghadapi cabaran globalisasi dan cabaran semasa, faktor ilmu intergratif, kemajuan sains dan teknologi sewajarnya menjadi fokus bagi melahirkan sumber tenaga manusia yang bukan sahaja mempunyai ilmu dan keterampilan tetapi juga memiliki nilai-nilai murni yang sifatnya menyumbang terhadap pembangunan negara, bangsa dan manusia sejagat. Usaha penggalian dan penerokaan serta penemuan ilmu sains dan teknologi amat digalakkan dalam tradisi Islam. (lihat Sekretariat Islam Hadhari 2005)

Keadaan ini terbukti apabila Allah SWT memulakan penurunan wahyu-Nya iaitu al-Qur'an dengan ayat *igra'* yang menyuruh Nabi Muhammad serta umatnya membaca dengan nama Tuhan yang menciptakan sekalian makhluk. Arahan daripada Tuhan kepada seluruh umat Islam supaya menjadikan membaca sebagai satu budaya telah dikeluarkan sejak 1400 tahun lebih. Namun budaya tersebut bertukar menjadi satu tradisi masyarakat lain yang rata-rata bukan Islam.

Allah Taala juga menyuruh umat Islam supaya berfikir tentang kelebihan orang yang mempunyai ilmu pengetahuan sebagaimana firmanNya dalam surah al-Zumar: 9

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولَٰئِكَ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ

Bermaksud:

Katakanlah: Adakah sama orang-orang yang berilmu pengetahuan dengan orang-orang yang tidak berilmu pengetahuan. Sesungguhnya orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan banyalah orang-orang yang berakal sempurna.

Umat Islam juga diarahkan supaya bertanya kepada ahli ilmu sekiranya mereka jahil dalam ilmu tersebut sebagaimana yang ditegaskan dalam surah al-Nahl: 43

فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٤٣﴾

Bermaksud:

Oleh itu bertanyalah kamu kepada orang-orang yang berpengetahuan jika kamu tidak mengetahui.

v) AL-QUR'AN SEBAGAI SUMBER SAINS DAN ILMU PENGETAHUAN

Di dalam al-Qur'an banyak terdapat ayat-ayat yang mengandungi teori-teori dan fakta-fakta sains dalam pelbagai aspek seperti biologi, botani, zoologi, geologi, kimia, astronomi dan lain-lain sebagaimana yang ditegaskan sendiri oleh Allah SWT di dalam firmanNya dalam surah Fussilat ayat: 53

سَرِّبْهُمْ آيَاتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنْفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ الْحَقُّ ۚ

Bermaksud:

Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa Al-Quran adalah benar.

Ayat di atas menunjukkan Allah Taala memperlihatkan kepada manusia dalil-dalil bahawa di alam semesta ini dan pada diri manusia terdapat bukti-bukti yang menunjukkan kebenaran Islam.

Seterusnya dipertontonkan di bawah ini, dua contoh daripada ayat-ayat al-Qur'an yang mengandungi unsur sains yang dibaca oleh umat Islam sejak dahulu kala. Pertama, Allah Taala berfirman dalam surah al-Mu'minun ayat 12 hingga 14.

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ سُلَالَةٍ مِنْ طِينٍ ﴿١٢﴾ ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَكِينٍ ﴿١٣﴾ ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظَامًا فَكَسَوْنَا الْعِظَامَ لَحْمًا ثُمَّ أَنشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ ﴿١٤﴾

Bermaksud:

Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah. Kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada tempat penetapan yang kukuh. kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebeku darah beku; lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging, kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu, Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta.

Contoh ini daripada ilmu janin manusia yang tidak berkembang dengan pesat melainkan pada kurun ke-20 M. Bahkan tidak diiktiraf maklumat-maklumat yang terdapat dalam Al-Qur'an melainkan pada pertengahan kurun ke-20 M. Iaitu selepas terciptanya Mikroskop Elektronik. Para doktor sehingga kurun ke-17 M iaitu selepas turunnya al-Qur'an lebih dari seribu tahun menyangka janin mula membentuk dengan rupa bentuk manusia yang lengkap iaitu dengan anggotanya yang sempurna tetapi dengan saiz yang kecil. Kemudian mula membesar dalam rahim ibunya hinggalah sempurna dilahirkan.

Keduanya, Allah Taala berfirman dalam surah al-Nur ayat 40 yang berbunyi:

أَوْ كَظُلُمَاتٍ فِي بَحْرٍ لُّجِّيٍّ يَغْشَاهُ مَوْجٌ مِّنْ فَوْقِهِ، مَوْجٌ مِّنْ فَوْقِهِ، سَحَابٌ ظُلُمَاتٌ
بَعْضُهَا فَوْقَ بَعْضٍ إِذَا أَخْرَجَ يَكَدُهُ لَمْ يَكْدِرْهَا وَمَنْ لَّمْ يَجْعَلِ اللَّهُ لَهُ نُورًا فَمَا لَهُ مِن نُّورٍ ﴿٤٠﴾

Bermaksud:

"Atau (orang-orang kafir itu keadaannya) adalah umpama keadaan (orang yang di dalam) gelap-gelita di lautan yang dalam yang diliputi ombak bertindih ombak; di sebelah atasnya pula awan tebal; (demikianlah keadaannya) gelap-gelita, berlapis-lapis – apabila orang itu mengeluarkan tangannya, ia tidak dapat melihatnya sama sekali. Dan (ingatlah) sesiapa yang tidak dijadikan Allah – menurut undang-undang peraturan-Nya mendapat cahaya (hidayah petunjuk) maka ia tidak akan beroleh sebarang cahaya (yang akan memandunya ke jalan yang benar)."

Ayat ini membicarakan tentang dasar lautan iaitu suatu tempat yang sejak dari dahulu kala tidak diketahui oleh manusia apa-apa pun. Manusia boleh menyelam sepuluh meter atau dua puluh meter tanpa alatan moden untuk

menyelam. Apabila ia cuba untuk menyelam lebih jauh dari jarak tersebut, maka paru-paru akan kehabisan oksigen dan ini akan mengakibatkan sel otak mati. Manakala sel otak yang sudah mati tidak boleh tumbuh semula dan boleh menyebabkan manusia ditimpa dengan kerosakan di bahagian otak kemudian terus mati. Begitu juga dengan urat-urat halus yang mengandungi darah mula pecah akibat tekanan yang kuat dalam air ke atasnya. Oleh itu, tidak mungkin manusia akan sampai ke dasar lautan dan kalau sampai pun nescaya ia tidak boleh meneruskan kehidupan.

Tetapi kita dapati di dalam Al-Quran suatu gambaran yang realiti di dasar lautan yang dalamnya beratus-ratus meter, di mana ia menerangkan terdapat dua ombak: satu 'ombak permukaan' yang dapat dilihat oleh manusia dan boleh mengenalinya dan satu lagi 'ombak bawahan'. Ombak bawahan ini tidak dapat dilihat oleh manusia dan tidak ditemui oleh ahli sains melainkan pada pertengahan kurun ke-20 M. Al-Quran telah menerangkan di bawah ombak bawahan ini terdapat kegelapan pekat sehingga manusia tidak mampu melihat tangannya sendiri.

Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya ilmuan-ilmuan Islam dianggap sebagai pelopor bagi kebanyakan cabang ilmu sains sebagaimana yang telah diwar-warkan dalam sejarah bahawa Newton telah menjalankan kajiannya berdasarkan kerja-kerja yang dibuat oleh al-Haitam, Harvey pula telah mencedok ciptaan Ibn Nafis, manakala Kapler pula mengkaji bersungguh-sungguh penyelidikan yang dibuat oleh al-Batani, al-Bairuni dan ahli-ahli astronomi Islam lain yang terkenal. (lihat Ziauddin Sardar 1992:37)

PENUTUP

Amat disedari umat Islam ketinggalan dalam penguasaan sains dan teknologi pada masa kini. Sewajarnya usaha pengkajian dan penyelidikan dijadikan matlamat keilmuan supaya asas pembangunan intelek, rohani dan jasmani dapat berlaku secara seimbang, menyeluruh dan teratur. Hakikatnya ilmu sains amat penting dalam kehidupan pada zaman ini. Sains bukan lagi merupakan ilmu untuk golongan elit atau cendekiawan sahaja. Sebaliknya ilmu sains telah merubah peradaban manusia; tidak kira untuk kebaikan atau keburukan. Kekuatan ketenteraan, kuasa politik dan kemewahan ekonomi sesebuah negara moden banyak bergantung kepada kebolehannya memahami, mengawal dan mencipta sains moden. Persepsi Islam terhadap sains tidak sama dengan

persepsi orang-orang Barat, kerana Islam menganggapnya hanyalah satu cabang ilmu daripada ilmu-ilmunya yang lain. Jadi kejatuhan tamadun Islam tidak boleh dikatakan Islam tidak mampu menyesuaikan ajarannya dengan perkembangan semasa sains. Malah punca sebenar kejatuhan adalah disebabkan tingkah laku umat-umat Islam sendiri yang sudah lalai, cuai dan tidak mahu melakukan sebarang perubahan atau membuat anjakan paradigma.

Rujukan

1. Al-Qudah, Sharaf Muhammad, Prof. Dr (2003) *al-Tasawwur al-Islami*, Kuala Lumpur: al-Bayan Corporation Sdn. Bhd.
2. Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri (1992) *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn. Bhd.
3. Ibn Khaldun, Abdul Rahman Bin Mohammad (tt) *Muqaddimah Ibn Khaldun*, al-Qahirah: Dar al-Nahdhah, cet 3.
4. Muhammad Nasir Mokhtar, Haji Ir (tt) *Islam Dan Sains* (<http://www.iicev-hamburg.de/download/makalah/ISLAM%20DAN%20SAINS.pdf>)
5. Sekretariat Islam Hadhari JAKIM (2005) *Penguasaan Ilmu Pengetahuan*, Kuala Lumpur: (http://www.islam.gov.my/islam_hadhari/prinsip-04.html)
6. Shahrir bin Mohamad Zain, Prof. Dr (1989) *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Sains Dan Teknologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
7. The Oxford Of Dictionary, dirujuk oleh Shahrir (terj) (1989) *Pengenalan Tamadun Islam*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
8. Ziauddin Sardar (1992) *Hujah Sains Islam*, Abdul Latif Samian (terj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.